KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	6/10/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	YAYASAN HIJAU MALAYSIA (YHM)			



ANGKASA akan menggalakkan koperasi yang berada di bawahnya untuk menyokong usaha penanaman semula pokok di seluruh negara.

Koperasi tanam pokok dapat potongan cukai

Kosmo,6 Okt 2021_30

Oleh FARID AHMAD TARMIJI

TERLETAK berhampiran garisan Khatulistiwa, Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang mempunyai kawasan seluas lebih 33 juta hektar.

Daripada jumlah itu, sebanyak 55.3 peratus melibatkan kawasan 18.27 juta hektar dilitupi kawasan berhutan.

Umum mengetahui, kawasan hutan mempunyai kepentingan tersendiri kepada manusia dan paling penting ia berperanan untuk menyerap sejumlah besar gas rumah hijau dan membantu mengurangkan kenaikan suhu global.

Namun begitu, kini banyak kawasan hutan diteroka dan pokok-pokok ditebang untuk tujuan pembangunan yang akhirnya memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

Menyedari kepentingan hutan dan pokok kepada alam sekitar, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yayasan Hijau Malaysia bagi menggerakkan Program CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pelaksanaan program itu sebagai menyokong agenda nasional untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025.

Menurutnya, usaha pemuliharaan alam sekitar memerlukan kerjasama semua pihak tanpa mengira latar belakang, agama, bangsa, umur dan jantina.

"Program ini merupakan tanggungjawab sosial Angkasa mewakili gerakan koperasi negara untuk menggalakkan 14,629 buah koperasi yang mempunyai 6.5 juta ahli di seluruh Malaysia dalam menyokong usaha penanaman semula pokok.

"Program ini adalah inisiatif berimpak tinggi Angkasa yang turut memfokuskan kepada penanaman semula pokok sama ada di kawasan dan rizab hutan, tempat awam serta institusi.

"Ia salah satu cara bagi menangani isu peningkatan pelepasan karbon saban tahun bagi menyokong agenda Program Penghijauan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani MoU dengan Yayasan Hijau Malaysia secara maya baru-baru ini.

Yayasan Hijau Malaysia diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amin Abdullah.

Program CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok adalah program *flagship* Angkasa yang akan dilaksanakan bersama-sama dengan gerakan koperasi secara berterusan.

Ini bagi memberi impak postitif terhadap alam sekitar seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 seperti yang digariskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ia membantu menangani perubahan iklim dan meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi.

Selain itu, ia turut menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau dan lestari untuk dinikmati oleh generasi akan datang.



ABDUL FATTAH (kiri) dan Amin menandatangani MoU bagi menggerakkan Program CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok secara maya baru-baru ini.

Bidang kerjasama antara Angkasa dan Yayasan Hijau Malaysia termasuk aspek perkongsian informasi, promosi dan pendidikan berkaitan program Penghijauan Malaysia.

Yayasan Hijau Malaysia, agensi kerajaan di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia menyediakan pakej penanaman pokok untuk tajaan dan menyelaras potongan cukai tertakluk kepada pembekalan pokok atau pelaksanaan program penanaman pokok di bawah Seksyen 44 (11 C), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Abdul Fattah berkata, koperasi yang melaksanakan program penanaman pokok menggunakan pakej Yayasan Hijau Malaysia akan menerima potongan cukai sebanyak 10 peratus daripada jumlah pendapatan agregat tahunan.

"Ahli koperasi yang menyertainya secara individu pula akan mendapat potongan cukai sebanyak tujuh peratus.

"Angkasa juga memberi baucar ganjaran melalui pakej tajaan individu yang menanam pokok melalui aplikasi Penghijauan Malaysia.

Sebanyak 500 baucar digital Coop Farmasi Angkasa ditawarkan kepada penaja individu yang boleh ditebus guna menerusi outlet Coop, farmasi dan secara dalam talian menerusi platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada bagi pembelian barangan penjagaan kesihatan," katanya.

Dalam pada itu, Angkasa turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bagi melaksanakan penanaman pokok hutan di kawasan plot seluas 8 hektar hutan bakal dinamakan sebagai 'Hutan Angkat Koperasi'.

Sebagai permulaan projek ini, Angkasa akan menanam 625 batang pokok hutan di kawasan seluas 1 hektar di Hutan Simpan Sungai Lalang berdekatan Sungai Tekala, Hulu Langat.

Angkasa sebagai badan induk yang mewakili gerakan koperasi negara di peringkat nasional dan antarabangsa tidak hanya fokus kepada penglibatan koperasi di negara ini sahaja.

Ia mengalu-alukan penyertaan anggota koperasi di peringkat antarabangsa menerusi program penajaan yang akan diuar-uarkan menerusi laman portal khas.